

YSS tingkat program tangani gejala .sosial

BH - 8 SEP 2003

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan tents membantu Yayasan Strategik Sosial (YSS) melaksanakan pelbagai program pembangunan termasuk menangani gejala sosial di kalangan masyarakat India, kata Setiausaha Parlimen kementerian itu, Datuk S Veerasingam.

Beliau berkata, sebelum ini kementerian memperuntukkan geran sejumlah RM5.4 juta iaitu masing-masing RM2.7 juta bagi tahun pertama dan tahun kedua pelaksanaan program sosial YSS dari Jun 2001 hingga September 2003.

Beliau berkata, aktiviti yang dijalankan YSS bagi fasa kedua dilihat meningkat kepada 746 aktiviti membabitkan 58,796 peserta berbanding 579 aktiviti dengan 71,493 peserta di 41 kawasan kejiranan di lapan negeri sekitar Malaysia.

“Sebahagian besar aktiviti ini diadakan di kawasan penempatan golongan berpendapatan rendah seperti setinggan, rumah panjang, rumah pangsa, taman perumahan kos rendah dan ladang.

“Kerajaan tidak mahu melihat pembangunan sosial segelintir masyarakat terpinggir dan terabai di sebalik kemajuan negara dari segi ekonomi,” katanya selepas merasmikan bengkel Program Kejiranan YSS di Genting Highlands, dekat sini semalam.

Veerasingam yang mewakili Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kerajaan sentiasa memperuntukkan banyak wang setiap kali belanjawan negara dibentangkan dalam usaha melahirkan masyarakat bertanggungjawab serta disiplin.

YSS diasaskan Samy Vellu pada 1998 untuk menjalankan kajian dasar dan melaksanakan program pembangunan sosial di kalangan masyarakat miskin bandar serta keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan setinggan, rumah panjang dan rumah pangsa kos rendah.

YSS menerima geran peruntukan menerusi Jawatankuasa Kabinet Bagi Menangani Gejala Sosial dan kini ditukar namanya kepada Majlis Sosial Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Terdahulu ketika membacakan teks ucapan Samy Vellu, Veerasingam berkata, sebahagian besar program dianjurkan YSS untuk remaja membabitkan program berterusan di sekolah dan remaja yang lemah dalam pendidikan.